

Operasi meroboh rumah setinggan Jinjang Selatan

# DBKL hanya jalan tugas

Oleh ARDYHANSAH AMAT

kota@utusan.com.my

**SEGAMBUT** 16 Jun — Pertikaian antara penduduk Kampung Jinjang Selatan Tambahan dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) sampai ke kemuncaknya semalam apabila berlaku kekecohan ketika DBKL hendak merobohkan rumah di situ.

Bagi DBKL, masa yang diberikan olehnya sudah cukup untuk penduduk berpindah ke rumah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kampung Batu Muda selepas beberapa notis dikeluarkan.

Berbeza pula dengan penduduk, mereka merasakan tindakan DBKL merobohkan rumah mereka tidak wajar selepas 40 tahun menduduki kawasan berkenaan selain pam-pasan sebanyak RM1,000 tidak setimpal dengan kerugian yang mereka tanggung.

Operasi itu bermula kira-kira pukul 9 pagi dengan hampir 150 kakitangan DBKL yang dibantu polis, membantu penduduk mengemas dan mengangkat barang mereka untuk dibawa ke rumah baru sebelum rumah mereka dirobohkan.

Pengarah Penguat Kuasa DBKL, Rolan Abdul Rahman mendakwa, beberapa pegawaiannya telah dikasari oleh penduduk dan seorang ditumbuk.

"Kakitangan saya hanya menjalankan tugas tetapi mereka berhadapan dengan kekerasan penduduk yang akhirnya menyebabkan berlakunya ketegangan," katanya.

Operasi itu cuba dihalang oleh penduduk. Sebahagian daripada mereka sempat mencuci diri di dalam rumah yang akan dirobohkan sementara yang lain membuat benteng manusia dan ada yang bertolak-tolak dengan anggota penguat kuasa.

Sementara itu, Ahli Majlis Majlis Perbandaran Subang Jaya, Jo Han, mempersiar tindakan kasar DBKL kepada penduduk.

"Perlukan kekerasan seperti memukul, tarik rambut serta merosakkan kamera kerana mengambil gambar dilakukan ke atas penduduk?"

"Memang tidak dinafikan bahawa penduduk tidak mempunyai hak ke atas tanah ini, tetapi mereka berhak ke atas rumah."

"Ini kerana mereka mendirikan rumah di kawasan tersebut atas kebenaran dari-



**POTIS dan penguat kuasa DBKL cuba menenangkan penduduk sewaktu operasi merobohkan rumah setinggan di Kampung Jinjang Selatan Tambahan, kelmarin. — UTUSAN/HARUN OSMAN**

pada kerajaan Selangor 40 tahun dahulu menggunakan sumber kewangan sendiri dan bukannya bantuan daripada kerajaan.

Selain itu, Jo Han juga mendakwa DBKL telah melakukan kesilapan secara teknikal, menyebabkan kerja-kerja meroboh rumah di kawasan terabit tidak wajar dilakukan.

"Melalui surat yang diedarkan oleh DBKL kepada penduduk, ia jelas menyatakan arahan berpindah kepada penduduk setinggan Kampung Benteng Segambut.

"Namun begitu, kawasan perumahan penduduk ini terletak di Kampung Jinjang Selatan Tambahan dan bukannya seperti yang terdapat dalam surat berkenaan.

Sementara itu, menurut Timbalan Pergerusi DAP, Dr Tan Seng Giaw kesilapan berlaku sejak 40 tahun dahulu.

"Tindakan memberikan lot rumah di kawasan ini kepada penduduk serta membenarkan mereka mendirikan rumah sendiri adalah punca berlakunya peristiwa hari ini.

"Seharusnya kerajaan mengingatkan kepada penduduk supaya tidak membina rumah dengan kos yang banyak kerana mereka hanya diberikan lesen menduduki sementara (TOL) sahaja," katanya.

Menurut Seng Giaw lagi, tindakan penduduk enggan berpindah juga mungkin dipengaruhi oleh keadaan ekonomi sekarang

yang tidak stabil.

"Berpindah ke tempat yang baru bukan sesuatu yang mudah. Sedikit sebanyak ia memerlukan perbelanjaan, dan keadaan tersebut telah menyukarkan penduduk," ujarnya lagi.

Sementara itu, enam orang penduduk dan seorang wakil badan bukan kerajaan (NGO) telah ditahan polis akibat kejadian itu.

Mereka yang berusia antara 30 hingga 50 tahun ditahan oleh Polis Daerah Sentul kerana menggunakan kekerasan dan menghalang penjawat awam melaksanakan tugas.

Kesemuanya bagaimanapun dibebaskan selepas polis mengambil keterangan mereka.